

11 JUL 1996

Airportex-Operasi

OPERASI CEGAH KENAIKAN HARGA SEMPENA PAMERAN AIRPORTEX `96

LANGKAWI, 11 Julai (Bernama) -- Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mengadakan operasi besar-besaran bagi memastikan para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga semasa pameran Airportex `96 di sini, mulai 25 Julai hingga 28 Julai ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa cawangan Langkawi, Mohamad Mokhtar Hamdan berkata, operasi itu akan diadakan seminggu sebelum dan semasa Airportex `96 berlangsung.

Ia akan melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasa dari Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Kedah, katanya semasa ditemui di sini, hari ini.

Mohamad Mokhtar mengingatkan orang ramai atau pengunjung supaya mengemukakan aduan dengan terperinci seperti jenis barang yang mahal dan harga supaya tindakan dapat diambil.

Beliau berkata pihaknya akan membuka bilik gerakan bagi memudahkan orang ramai membuat aduan semasa Airportex `96 diadakan kelak.

"Kita harus menjaga imej Langkawi sebagai pulau bebas cukai dan destinasi pelancongan antarabangsa," katanya.

Airportex `96 yang pertama kali diadakan di negara ini akan mempamerkan pelbagai peralatan dan komponen lapangan terbang. Ia merupakan yang ketiga di dunia selepas Frankfurt, Jerman dan Atlanta, Amerika Syarikat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Airportex `96 yang akan berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Padang Matsirat di sini.

Sementara itu, Bahagian Penguatkuasa cawangan Langkawi juga mengambil tindakan terhadap 52 peniaga yang melakukan pelbagai kesalahan mengikut Akta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna antara Januari dan Jun tahun ini.

Mokhtar berkata daripada jumlah itu, 24 peniaga melakukan kesalahan kerana gagal meletak tanda harga, tiga penjual menjual barang jenama palsu dan 24 peniaga menggunakan alat timbang yang tidak disahkan.

-- BERNAMA

ZI AKD